

Penduduk Langkawi diingat jangan terburu2 jual tanah

LANGKAWI 6 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan penduduk - penduduk Langkawi jangan terburu-buru menjual tanah mereka berikutan harga yang tinggi sekarang tetapi hendaklah memajukannya dengan usahasama pelabur yang berminat untuk membangunkan projek - projek pelancongan.

Perdana Menteri berkata, peluang untuk memajukan projek - projek industri pelancongan di Langkawi amat cerah di masa depan terutama dalam bidang perhotelan.

Bagaimanapun, katanya, masalah yang dihadapi sekarang ialah bukan lagi harga barang bebas cukai yang mahal, tetapi harga tanah yang terlalu tinggi.

Bercakap kepada para pemberita selepas melawat Langkawi hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, sekiranya penduduk Langkawi mahu mengusahakan sendiri projek perhotelan, mereka mungkin menghadapi masalah di segi kewangan, atau hotel - hotel yang didirikan itu tidak menarik perhatian pelancong.

Dalam hal ini, katanya, adalah lebih baik mereka yang mempunyai tanah yang sesuai untuk didirikan hotel, mengadakan usahasama dengan pihak - pihak pemaju yang berminat.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa Langkawi boleh menjadi pusat pelancongan yang baik di rantau ini dan kerajaan akan berusaha sedaya-upaya untuk memajukannya.

"Kita memang berhasrat untuk memajukannya termasuk tempat - tempat berniaga supaya penduduk Langkawi menerima faedahnya," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, ada banyak tempat di pulau ini yang boleh dibina hotel - hotel bertaraf antara-bangsa dan sederhana, tetapi kedudukan jenis - jenis hotel tersebut hendaklah sesuai dengan tempatnya.

"Mana-mana tempat yang boleh didirikan hotel bertaraf mewah seharusnya tidak didirikan hotel bertaraf sederhana ataupun hotel - hotel kecil," katanya.

"Jika penduduk berusaha sendiri mendirikan hotel - hotel kecil di tempat - tempat yang mempunyai potensi untuk maju, mereka tidak akan dapat keuntungan yang banyak, jadi lebih baik diadakan usahasama dengan pihak pemaju," katanya lagi.